

Penghidap Strok Raih PhD di Majlis Konvokesyen UMS

Terakhir dikemaskini: Khamis, 28 November 2019 15:24 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 8

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



AHAD, 24 NOVEMBER -

Biarpun mengalami masalah kesihatan dalam tempoh menamatkan pengajiannya, graduan Ijazah Doktor Falsafah Juraidah Manggul merupakan antara penerima skrol pada sidang pertama Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-21 yang berlangsung di Dewan Canselor, UMS kelmarin.

Juraidah yang menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Pendidikan ini

berdepan dengan cabaran untuk menyiapkan tugasannya apabila beliau mengalami serangan strok lumpuh separuh badan semasa dalam tempoh pengajian.

Katanya, pembuluh darahnya juga pecah dan darah terus memenuhi otak sebelah kanannya.

“Tetapi berkat sokongan penuh daripada penyelia saya, Dr. Mohd Khairuddin @ Jerry Abdullah yang sentiasa mengunjungi saya di Labuan sehingga saya berjaya menyiapkan tesis, saya terus menguatkan semangat untuk meneruskan pengajian dan akhirnya mendapat PhD.

“Pengaruh orang-orang hebat di sekeliling juga menjadi penguat buat saya untuk membuktikan bahawa masalah kesihatan yang dialami ini bukan menjadi penghalang untuk saya mengecapi kejayaan,” katanya.

Berkaitan kesihatan dirinya pada ketika ini, beliau berkata sehingga kini rawatan terhadap masalah kesihatan yang dialaminya masih diteruskan selain turut menjalankan pelbagai kaedah rawatan lain seperti rawatan urutan yang dilakukan di Labuan.

Juraidah merupakan antara 71 graduan Ijazah Doktor Falsafah yang menerima skrol daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin.

(Artikel disediakan oleh Nur Syazana Ladin, Pelajar Tahun Tiga Program Komunikasi FKSJW)